

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 64**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat memberhentikan atau merubah kursus matrikulasi yang dikendalikan Kementerian sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih belum berhasrat untuk menamatkan Program Matrikulasi KPM. Sehingga kini, jurusan yang ditawarkan di Program Matrikulasi KPM masih relevan dengan kehendak pemegang taruh terutamanya universiti awam di Malaysia.

Program Matrikulasi KPM terbahagi kepada dua sistem iaitu Sistem Dua Semester (1 tahun) dan Sistem Empat Semester (2 tahun). Sistem Dua Semester menawarkan empat jurusan iaitu Jurusan Sains, Jurusan Kejuruteraan, Jurusan Perakaunan dan Jurusan Perakaunan Profesional.

Jurusan Sains dan Perakaunan telah ditawarkan semenjak Program Matrikulasi KPM bermula iaitu pada tahun 1999. Manakala Jurusan Kejuruteraan pula bermula pada tahun 2009, hasil cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik Program Matrikulasi KPM. Hal ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan di mana-mana universiti dan mewujudkan satu lagi saluran kemasukan pelajar sekolah menengah teknik ke

pengajian tinggi. Jurusan Perakaunan Profesional pula bermula pada tahun 2018 untuk memberi lebih akses pendidikan kepada bumiputera lepasan SPM menyambung pengajian dalam bidang profesional selaras inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

Kurikulum Program Matrikulasi KPM digubal, disemak dan diperaku oleh panel pakar UA mengikut bidang untuk memenuhi keperluan tahun pertama ijazah sarjana muda di UA. Standard kurikulum dan pentaksiran Program Matrikulasi KPM diperaku oleh Jawatankuasa Penasihat Akademik Program Matrikulasi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan dianggotai oleh semua Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UA, Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik Sektor Pengajian Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Kurikulum Program Matrikulasi KPM juga digubal dan disemak berteraskan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education*, OBE) selaras keperluan Standard Kursus Asas (*Foundation*) 2014, Kod Amalan Akreditasi Program 2.0, Garis Panduan Amalan Baik: Rekabentuk dan Penyampaian Kurikulum dan Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar yang ditetapkan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Penyemakan kurikulum Program Matrikulasi KPM adalah hasil pemetaan antara kurikulum Program Matrikulasi KPM dengan kurikulum STPM, Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM), Pusat Asasi UiTM, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru, United Kingdom (UK) A-Level, *International Baccalaureate* dan Singapore A-Level. Penandaarasan standard kurikulum dan pentaksiran telah dilaksanakan dengan program A-Level UK-Pearson Edexcel bagi memastikan Program Matrikulasi KPM setanding dengan peringkat A-level. Selain itu, Program Matrikulasi KPM telah melalui proses penandaarasan oleh Pusat Asasi Universiti Malaya (PASUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Sekian, terima kasih.